

MENYINGKAP HIKMAH SOLAT BERJEMAAH MUSIM PKP 2.0

Ahmad Ariff Tajuddin

1201235

Fakulti Pengajian Quran dan Sunah

Universiti Sains Islam Malaysia

ariff tajuddin3@gmail.com

Tarikh diterbitkan: 18 Februari 2021

Peningkatan angka kes Covid-19 saban hari agak membimbangkan yang mana kini ia telah mencecah sehingga empat angka kes harian. Justeru, pihak kerajaan telah melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di hampir seluruh negeri di Malaysia sebagai langkah untuk memutuskan rantaian wabak ini. Hal ini sedikit sebanyak akan menjejaskan golongan-golongan tertentu dalam menjalani kehidupan seharian. Antara yang jelas adalah penutupan masjid dan surau. Sudah pasti kerinduan dan kesedihan itu wujud bagi mereka yang melazimi solat secara berjemaah di masjid. Walau bagaimanapun, solat berjemaah masih boleh dilaksanakan di rumah.

Menurut Yang Berhormat Senator Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri, beliau berkata bahawa melihat kepada situasi ini, berada di dalam rumah itu adalah lebih selamat dan solatlah secara berjemaah bersama keluarga. Tidak dinafikan bahawa terdapat perbezaan yang akan dirasai apabila bersolat di rumah berbanding bersolat di masjid. Namun begitu, jikalau kita melihat dari sisi positifnya, kita akan dapati bahawa terselit banyak hikmah di sebalik solat berjemaah di rumah.

Hikmah yang boleh diperoleh daripada solat berjemaah di rumah adalah dapat mengeratkan hubungan sesama ahli keluarga. Pada musim pandemik ini kebanyakan ibu bapa terpaksa bekerja dari rumah dan begitu juga anak-anak mereka yang terpaksa menghadiri kelas secara dalam talian. Hal ini merupakan peluang dan ruang yang terbaik untuk menjalinkan hubungan sesama ahli keluarga. Jika sebelum ini ibu bapa tidak sempat untuk meluangkan masa bersama anak-anak akibat kesibukan kerja, maka inilah masa yang sesuai dengan bersolat secara berjemaah bersama-sama. Solat berjemaah ini mungkin akan mengambil masa dalam 10 hingga 15 minit sahaja. Tetapi, impaknya agak besar bagi

sesebuah keluarga itu. Coba bayangkan solat secara berjemaah bersama keluarga lima waktu sehari, kita sebenarnya sudah meluangkan masa bersama keluarga tersayang selama satu jam 15 minit sehari tanpa kita sedar. Oleh itu, peranan bapa sebagai ketua keluarga amat penting dalam menjayakan solat secara berjemaah ini di rumah.

Selain itu, kita juga akan memperoleh dan mengukuhkan ilmu-ilmu asas dalam menunaikan solat berjemaah. Mungkin ada dalam kalangan kita yang belum menguasai sepenuhnya ilmu-ilmu asas berkaitan dengan solat berjemaah. Maka pada waktu inilah waktu yang tepat untuk kita mengulangkaji semula ilmu-ilmu berkenaan. Kita juga boleh berkongsi ilmu tersebut dengan orang lain. Pada waktu ini juga kita boleh mempraktikkan ilmu yang telah kita peroleh. Dengan mengulangkaji ilmu-ilmu ini juga sekali gus kita boleh melatih anak-anak menjadi orang muslim yang berguna kepada masyarakat dan agama. Contohnya, melatih mereka untuk melaungkan azan, menjadi imam dan sebagainya. Natijahnya, kita akan mendapat manfaat dan dalam pada masa yang sama juga kita dapat memberi manfaat.

Seterusnya, solat berjemaah di rumah juga akan melatih diri kita dan keluarga untuk bersolat pada awal waktu. Solat pada awal waktu merupakan amalan yang paling utama. Hal ini disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi mafhumnya Nabi Muhammad S.A.W pernah ditanya tentang apakah amalan yang paling utama? Maka baginda menjawab “Solat pada awal waktu”. Dengan ini, kita akan menjadi lebih berdisiplin dan menepati masa. Tidak dinafikan lagi bahawa apabila kita bersolat secara berjemaah di rumah bahkan di masjid-masjid sekali pun, kita akan dapat menunaikan solat pada awal waktu. Oleh yang demikian, kita akan menjadi hamba yang sentiasa mengutamakan solat apabila tibanya waktu solat tidak kira di mana kita berada.

Tuntasnya, solat berjemaah di rumah menyingkap seribu satu hikmah sekiranya kita selami dan hayati daripada setiap apa yang berlaku dari sisi positif. Oleh hal yang demikian, sebagai seorang muslim, kita mestilah sentiasa bersyukur dan mengambil setiap peluang yang dianugerahkan oleh Allah untuk kita memperbaiki diri dan keluarga supaya dilimpahi keberkatan dalam kehidupan. Semoga kita dapat mengharungi dugaan ini dengan cecal dan berdo'a agar kita akan dapat kembali menghadiri masjid seperti biasa.